

Kajian Terhadap Pendekatan Pembelajaran Pelajar

MAZNAH ISMAIL DAN YOONG SUAN, *Universiti Sains Malaysia*

ABSTRACT *The paper explores the learning approaches of Malaysian secondary school students. In addition, it attempts to examine the relationships between learning approaches, self-concept, locus of control and academic achievement. Malaysian versions of Learning Process Questionnaire (LPQ) which measures students' approaches to learning and Marsh's Self-Descriptive Questionnaire (SDQ) which measures various aspects of self-concept were administered to 531 Form Four students from five national secondary schools.*

The results show that the Learning Process Questionnaire and the Self-Descriptive Questionnaire subscales had moderate to high reliabilities. Factor analysis revealed two major approaches to learning, namely surface approach and a combination of deep and achieving approach. External locus of control was significantly associated with surface approach. Self-concept and academic achievement were significantly associated with deep-achieving approach.

The results have implications for identifying students' learning approaches in order to help them in their classroom learning.

PENGENALAN

Persoalan tentang cara pelajar belajar sentiasa mendapat perhatian para pendidik dan penyelidik. Kefahaman tentang cara pelajar belajar adalah penting demi membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka kerana seperti yang diketahui, pendekatan pembelajaran yang digunakan oleh pelajar mempunyai kesan terhadap hasil pembelajarannya. Seperti yang ditakrifkan oleh Biggs (1989), pendekatan pembelajaran merangkumi motif dan strategi pembelajaran. Pelajar-pelajar mempunyai motif sendiri untuk belajar dan menggunakan strategi-strategi tertentu untuk memperolehi sesuatu hasil pembelajaran.

Kajian tentang proses pembelajaran telah meningkatkan kefahaman tentang cara pelajar belajar. Kajian-kajian ini, sama ada yang berpendekatan kualitatif mau pun yang berpendekatan kuantitatif telah dapat mengenalpasti dua pendekatan yang sering digunakan oleh para pelajar (Watkins & Hattie, 1990). Pendekatan-pendekatan ini adalah pendekatan mendalam (deep approach) dan pendekatan permukaan (surface approach). Pelajar yang menggunakan pendekatan mendalam cuba memahami perkara yang dipelajari dengan memberi perhatian kepada isi kandungan secara keseluruhan, dan cuba menghubungkan antara bahagian-bahagian. Pelajar yang menggunakan pendekatan permukaan lebih cenderung memberi fokus kepada elemen-elemen isi kandungan, menghafal secara mekanikal dan tidak cuba menyelami makna perkara yang dipelajari.

Biggs (1989) menghuraikan pendekatan yang ketiga yang didapati digunakan oleh pelajar-pelajar. Pendekatan ini ialah pendekatan pencapaian (*achieving approach*). Ia melibatkan strategi-strategi yang pelajar-pelajar tanggap dapat membantu mereka untuk mencapai prestasi yang tinggi. Contohnya, pelajar-pelajar ini dapat menguruskan masa dan cara belajar yang berkesan untuk mencapai gred yang diinginkan.

Menurut Biggs (1988), kedua-dua pendekatan mendalam dan permukaan bersifat eksklusif. Sebaliknya pendekatan pencapaian boleh berkait dengan mana-mana pendekatan. Pelajar-pelajar yang mempercayai bahawa menghafal fakta-fakta boleh menghasilkan gred yang baik akan menggunakan pendekatan permukaan dan pendekatan pencapaian. Sementara itu pelajar-pelajar yang lain yang berpendapat bahawa kejayaan adalah bergantung kepada kefahaman konsep-konsep akan menggabungkan pendekatan mendalam dan pendekatan pencapaian.

Kebanyakan kajian terhadap proses pembelajaran banyak berfokus kepada pelajar-pelajar di negara-negara yang telah membangun. Namun akhir-akhir ini usaha-usaha sedang dijalankan untuk memahami proses pembelajaran pelajar-pelajar di negara-negara sedang membangun, misalnya pelajar-pelajar di Nepal, Hong Kong dan Filipina (Watkins, Reghi, & Astilla 1991). Kajian-kajian ini telah sedikit sebanyak memberi gambaran tentang proses pembelajaran pelajar-pelajar yang terlibat.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pendekatan pembelajaran pelajar dengan menggunakan alat ukuran Soalselidik Proses Pembelajaran. Selain daripada itu, ia juga meneliti perkaitan di antara proses pembelajaran, konsep diri, lokus kawalan dan pencapaian akademik.

METODOLOGI

Sampel :

Sampel terdiri daripada 531 pelajar Tingkatan 4 dari 5 buah sekolah menengah kebangsaan. Penyebaran sampel mengikut bangsa mencerminkan komposisi populasi Malaysia, iaitu 63% Melayu, 31% Cina dan 5% India. 46% daripada sampel adalah pelajar lelaki dan 54% adalah pelajar perempuan.

Jadual 1 : Penyebaran Sampel Mengikut Bangsa Dan Jantina

Bangsa	Bil.	Peratus	Jantina	Bil	Peratus
Melayu	333	62.7	Lelaki	24.5	46.2
Cina	164	30.9	Perempuan	28.5	53.8
India	28	5.3			
Lain-lain	6	1.1			
Jumlah	531	100	Jumlah	531	100.0

Alat Pengukuran

Soal selidik proses pembelajaran Biggs (Learning Process Questionnaire atau LPQ) digunakan untuk mengukur pendekatan pembelajaran pelajar-pelajar. Soal selidik ini terdiri daripada 36 item yang boleh dikelompokkan ke dalam 6 skala motif/strategi. Selain daripada itu, soal selidik ini mengandungi 7 item lokus kawalan. Pelajar dikehendaki menjawab tiap-tiap item dengan menggunakan skala 5 mata. Skala ini mempunyai nilai dari 1 hingga 5 di mana 1 bererti 'tidak benar' dan 5 bererti 'sentiasa benar'.

Konsep diri pelajar diukur dengan menggunakan soal selidik 'Self Descriptive Questionnaire II' (SDQ II) yang direka oleh Marsh (1990). Soal selidik ini mengandungi 102 item yang mewakili 11 skala. Skala-skala ini adalah skala-skala konsep diri kebolehan fizikal, konsep diri rupa paras, konsep diri perhubungan dengan jantina yang lain, konsep diri perhubungan dengan jantina yang sama, konsep diri perhubungan dengan ibu bapa, konsep diri sifat jujur, konsep diri kestabilan emosi, konsep diri Matematik, konsep diri Bahasa Inggeris, konsep diri sekolah dan konsep diri am.

Oleh sebab SDQ II tidak mengandungi item mengenai konsep diri Bahasa Malaysia, maka 9 item baru ditambah menjadikan jumlah item 111.

Pelajar dikehendaki menjawab item-item dengan memilih di antara 6 jawapan, iaitu dari pilihan 'tidak benar' hingga 'benar'.

Soal selidik-soal selidik ini diterjemah oleh pengkaji pertama dan disemak oleh pegawai penyelidik yang berdwibahasa. Prosedur 'back translation' juga dijalankan. Ini disusuli dengan praujian. Pengubahsuaian kecil dibuat terhadap item-item dalam SDQ II yang merujuk kepada jantina. Contoh, item nombor 2 - 'Nobody thinks that I am good looking.' dan item nombor 10 - 'It is difficult to make friends with members of the opposite sex,' diterjemah supaya sesuai dengan jantina pelajar yang menjawabnya.

Gred-gred Sijil Rendah Pelajaran (SRP) pelajar digunakan sebagai ukuran pencapaian akademik. Agregat gred lima matapelajaran terbaik memberikan ukuran pencapaian keseluruhan. Pencapaian dalam Bahasa Malaysia diwakili gred mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pencapaian dalam bidang Sains/Matematik diukur dengan mencantumkan gred sains dan matematik, dan pencapaian dalam bidang sastera diukur dengan mencantumkan gred sejarah dan geografi.

Analisis

Data telah dianalisis dengan menggunakan program SPSSPC Versi 3. Analisis faktor telah dijalankan dan min dan korelasi di antara pembolehubah-pembolehubah dikira.

Hasil

Jadual 2 memberi statistik perihalan tentang alat-alat ukuran berkenaan. Pekali Cronbach Alpha menunjukkan bahawa kebolehpercayaan alat ukuran pendekatan pembelajaran yang berkisar di antara 0.42 hingga 0.73 tidak jauh beza daripada yang dilaporkan oleh Watkins & Hattie (1990) bagi sampel pelajar sekolah di Australia walaupun mereka menggunakan versi LPQ yang lebih pendek.

Pekali kebolehpercayaan bagi alat ukuran konsep diri yang berkisar di antara 0.70 hingga 0.93 adalah hampir serupa dengan yang dilaporkan oleh Marsh (1990) bagi sampel pelajar sekolah di Australia.

Jadual 2: Min, Sisihan Lazim Dan Kebolehpercayaan Skala Ukuran Pendekatan Pembelajaran LPQ, Konsep Diri (SDQ II) Dan Gred Pencapaian

SKALA	BIL.	BIL. ITE M	MIN	S.D	MINIMA	TITIK PER-TENGAHAN	MAX	CRONBACH ALPHA
PERMUKAAN								
MOTIVASI	485	6	18.72	4.06	6	18	30	.54
STRATEGI	483	6	16.02	3.53	6	18	30	.42
MENDALAM								
MOTIVASI	485	6	18.95	4.01	6	18	30	.59
STRATEGI	485	6	18.68	4.15	6	18	30	.68
PENCAPAIAN								
MOTIVASI	485	6	20.34	4.60	6	18	30	.73
STRATEGI	487	6	20.14	4.19	6	18	30	.69
LOKASI	480	7	16.63	4.07	7	21.5	35	.50
KAWALAN*								
KONSEP DIRI								
AKADEMIK	315	38	152.19	20.58	38	133	228	.87
BUK/AKADEMK	315	60	222.38	26.56	60	210	360	.89
UMUM	497	10	43.53	6.91	10	35	60	.70
KESELURUHAN	494	111	494.02	60.81	111	388.5	666	.93
PENCAPAIAN								
KESELURUHAN	528	-	27.80	9.03	5	-	45	-
B.M	530	-	4.79	1.96	1	-	9	-
SAINS/MAT	529	-	11.35	4.07	2	-	18	-
SEJ/GEOG	528	-	11.65	4.07	2	-	18	-

* Skor rendah bererti orientasi lokasi kawalan dalaman.

Jadual 3 menunjukkan bahawa korelasi di antara ukuran-ukuran pendekatan yang sama (misalnya korelasi di antara ukuran motif dan ukuran strategi ialah .46 untuk pendekatan permukaan, .57 untuk pendekatan mendalam, dan .51 untuk pendekatan pencapaian) adalah lebih tinggi daripada korelasi di antara ukuran-ukuran pendekatan yang berlainan.

Sebagai contoh yang jelas, pekali korelasi yang rendah di antara ukuran-ukuran pendekatan yang berlainan adalah di antara pendekatan permukaan dan pendekatan-pendekatan mendalam dan pencapaian. Kotak (a) dalam Jadual 3 menunjukkan dapatan ini.

Seterusnya seperti yang terlihat dalam kotak (b) pekali korelasi di antara pendekatan mendalam dan pendekatan pencapaian adalah agak tinggi. Dapatan ini membayangkan bahawa pendekatan mendalam dan pendekatan pencapaian mempunyai perkaitan yang lebih kuat berbanding dengan perkaitan di antara kedua-dua pendekatan ini dengan pendekatan permukaan. Corak perkaitan ini lebih jelas dalam hasil analisis faktor.

Jadual 3 : Korelasi di antara Ukuran-ukuran Pendekatan Pembelajaran (LPQ)

	PERMUKAAN (PM)		MENDALAM (MD)		PENCAPAIAN (PC)	
	MOT	STGI	MOT	STGI	MOT	STGI
PM MOT	-					
PM STGI	.46**	-a				
MD MOT	.35**	.27**	-			
MD STGI	.29**	.25**	.57**	- b		
PC MOT	.41**	.22**	.56**	.48**	-	
PC STGI	.30**	.21**	.47**	.58**	.51**	-

** P < 0.001

Analisis faktor telah dijalankan terhadap data pendekatan pembelajaran. Faktor-faktor diabstrakkan melalui analisis *Principal-Components* (PC) dan diikuti dengan Putaran (*Rotation*) *Varimax* dan *Kaiser Normalization*. Terdapat dua faktor yang mempunyai nilai eigen lebih daripada 1.00. Kedua-dua faktor ini dapat menjelaskan lebih kurang 68% daripada varian yang terlibat.

Jadual 4 menunjukkan bahawa Faktor I adalah cantuman pendekatan mendalam dan pendekatan pencapaian. Ia boleh ditafsirkan sebagai pendekatan pembelajaran yang menekankan usaha untuk memahami dan untuk mencapai gred yang baik.

Faktor II adalah pendekatan permukaan. Seterusnya, tanpa mengira mengambil kira faktor bangsa (Melayu dan Cina) atau jantina (lelaki dan perempuan), corak kedua-dua faktor adalah serupa atau hampir serupa dengan corak bagi keseluruhan sampel pelajar.

Jadual 4: Keputusan Analisis Faktor Ukuran-Ukuran Pendekatan Pembelajaran

FAKTOR	B A N G S A						J A N T I N A			
	KESELURUHAN		MELAYU		CINA		LELAKI		PEREMPUAN	
	I	II	I	II	I	II	I	II	I	II
PERMUKAAN										
MOTIVASI	.23	.82	.24	.82	.22	.84	.23	.83	.20	.83
STRATEGI	.11	.84	.11	.85	.05	.85	.15	.84	.10	.84
MENDALAM										
MOTIVASI	.76	.25	.76	.22	.78	.18	.72	.31	.79	.20
STRATEGI	.83	.06	.82	.12	.85	-.05	.84	.08	.84	.04
PENCAPAIAN										
MOTIVASI	.74	.27	.80	.18	.61	.34	.72	.29	.74	.27
STRATEGI	.80	.11	.78	.14	.79	.15	.80	.12	.79	.10

Struktur faktor dalam kajian ini menyerupai struktur faktor yang dilaporkan oleh Watkins, Reghi dan Astilla (1991) bagi sampel-sampel pelajar Australia, Hong Kong, Filipino dan Naples.

Korelasi di antara pendekatan pembelajaran dengan konsep diri dan lokus kawalan juga menyokong kewujudan dua faktor utama ini. Jadual 5 menunjukkan bahawa pelajar yang berorientasi lokus kawalan luar (external) cenderung kepada pendekatan permukaan. Bagi konsep diri, pelajar yang mempunyai konsep diri yang positif, khususnya konsep diri akademik, lebih cenderung kepada pendekatan mendalam atau pendekatan pencapaian (Faktor I).

Jadual 5: Korelasi di Antara Ukuran Pendekatan Pembelajaran dengan Lokus Kawalan, Konsep Diri dan pencapaian Akademik

	PERMUKAAN (PM)		MENDALAM (MD)		PENCAPAIAN (PC)	
	MOTIF	STGI	MOTIF	STGI	MOTIF	STGI
LOK KAWALAN	.21**	.28**	-.03	-.06	-.09	-.04
KONSEP DIRI						
AKADEMIK	-.13*	-.02	.21**	.29**	.24**	.23**
B/AKADEMIK	-.11	.06	.13	.23**	.06	.16*
UMUM	-.15**	-.07	.15**	.24**	.11*	.17**
#	-.16**	-.03	.12*	.26**	.11*	.19**
KESELURUHAN						
PENCAPAIAN #	.04	-.05	-.11*	.15**	-.11*	-.02
KESELURUHAN						
B.M.	-.03	.09	-.17**	.15*	-.23**	-.06
SAINS/MAT	.06	.01	-.04	.17**	-.05	.01
SEJ/GEOG	.04	-.05	-.09	.13*	-.12*	-.02

* $P < .01$;

** $P < .001$

mata gred yang rendah bererti pencapaian akademik yang baik

Dari segi pencapaian akademik, korelasi di antara pencapaian akademik dengan pendekatan permukaan (Faktor II) adalah hampir 0, manakala korelasi di antara pencapaian akademik dengan Faktor I adalah signifikan, khususnya untuk pencapaian keseluruhan dan pencapaian dalam Bahasa Malaysia.

Seperti yang jelas di dalam Jadual 6, korelasi di antara skala-skala konsep diri adalah tinggi dan signifikan.

Jadual 6: Korelasi di antara Ukuran-Ukuran Konsep Diri

	AKADEMIK	BUK/AKADEMIK	UMUM	KESELURUHAN
AKADEMIK	-			
BUKAN AKADEMIK	.70**	-		
UMUM	.72**	.54**	-	
KESELURUHAN	.97**	.94**	.78**	-

** $P < .001$

Dari Jadual 7, dapat dilihat bahawa konsep diri akademik mempunyai korelasi yang signifikan dengan lokus kawalan dan mata-mata pelajaran sekolah.

Jadual 7: Korelasi di antara Konsep Diri dengan Lokus Kawalan dan Pencapaian Akademik

	KON DIRI AKADEMIK	KON DIRI BUK/AKADEMIK	KON DIRI UMUM	KON DIRI KESELURUHAN
LOK KAWALAN PENCAPAIAN SELURUHAN	-.17*	-.12	-.06	-.19**
B.M.	-.26**	.00	-.21**	-.18**
SAINS/MAT	-.25**	-.10	-.16**	-.15**
SEJ/GEOG	-.23**	.04	-.16**	-.15**
	-.21**	.03	-.21**	-.15**

* $P < .01$;

** $P < .001$

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan yang menunjukkan korelasi yang signifikan di antara lokus kawalan luaran dan pendekatan permukaan dan sebaliknya korelasi yang signifikan di antara pencapaian akademik, konsep diri akademik dan pendekatan mendalam menyokong hasil kajian Watkins, Reghi dan Astilla (1991). Dapatan ini membayangkan kewujudan keserupaan dalam struktur dan korelat-korelat proses pembelajaran yang merentasi budaya.

Hasil analisis faktor menyokong kajian-kajian lain yang melibatkan sampel-sampel dari Australia dan negeri-negeri Asia yang lain bahawa terdapat dua pendekatan utama yang para pelajar gunakan dalam proses pembelajaran mereka. Ia itu pendekatan permukaan dan gabungan pendekatan mendalam-pencapaian. Biggs (1987) mengatakan bahawa gabungan pendekatan mendalam dan pendekatan pencapaian adalah ciri kebanyakan pelajar yang berjaya. Pelajar-pelajar ini juga sering mempunyai konsep diri yang tinggi dan lokus kawalan dalaman.

Dapatan tentang orientasi ini di kalangan pelajar Malaysia adalah menarik kerana Watkin, Reghi dan Astilla (1991) juga memperolehi keputusan yang serupa di kalangan sampel-sampel Asia mereka. Oleh itu mereka merasa ragu terhadap stereotaip yang menggambarkan pelajar-pelajar Asia sebagai pelajar yang lebih cenderung untuk menghafal.

Di dalam bilik darjah pelajar-pelajar menghadapi berbagai tugas pembelajaran. Pendekatan pembelajaran yang mereka gunakan bergantung kepada ciri-ciri diri, motif mereka belajar, dan juga kepada persepsi mereka terhadap tugas-tugas pembelajaran dan konteks tugas-tugas ini diberi.

Alat ukur proses pembelajaran (LPQ) merupakan suatu cara bagi membantu para pendidik untuk memahami pendekatan pembelajaran pelajar. Biggs (1987) membincangkan enam profail pendekatan pembelajaran yang boleh dikesan di kalangan pelajar-pelajar. Profail-profail ini terdiri dari yang semata-mata menekankan pendekatan mendalam atau permukaan atau pencapaian atau pencapaian rendah atau kombinasi pendekatan mendalam/pencapaian atau pendekatan permukaan/pencapaian. Tiap-tiap satu profail memperlihatkan gaya pembelajaran yang lazim bagi seseorang pelajar.

Selain daripada enam profail ini, mungkin ada profail-profail lain yang mencerminkan berbagai kombinasi pendekatan pembelajaran. Profail proses pembelajaran berguna kepada para pendidik untuk membantu merancang strategi-strategi pengajaran dan kaunseling yang sesuai bagi pelajar-pelajar berkenaan.

RUJUKAN

- BIGGS, J.B. (1987) *Study Process Questionnaire Manual*, Melbourne, Australian Council for Educational Research.
- BIGGS, J.B. (1988) Assessing student approaches to learning, *Australian Psychologist*, 23(2), pp. 197-206.
- BIGGS, J.B. (1989) Approaches to the enhancement of tertiary learning, *Higher Education Research and Development*, 8(1), pp. 7-25.
- MARSH, H.W. (1990) *Self-Description Questionnaire II Manual*, San Antonio, The Psychological Corporation, Harcourt Brace, Jovanich.
- WATKINS, D. & HATTIE, J. (1990) Individual and contextual differences in the approaches to learning of Australian secondary school students, *Educational Psychology*, 10(4), pp. 333-342.
- WATKINS, D., REGHI, M & ASTILLA, E. (1991) The Asian learner as a rote learner stereotype: myth or reality, *Educational Psychology*, 11(1), pp. 21-34.